

Siap hujung tahun ini

Projek bina balai bomba dipantau bagi memastikan ia siap ikut jadual

CHERAS – Projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Hussein Onn yang mula dilaksanakan di sini sejak dua tahun lalu dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.


Ketua Pusat Perkhidmatan dan Penyelarasan Kawasan Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon berkata, projek tersebut dicadang serta dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) sebelum surat kelulusan diterima pada tahun 2013.

Menurutnya, peruntukan sebanyak RM6.8 juta diluluskan untuk pembinaan balai di atas tapak seluas 1.16 hektar itu dan kerja-kerja dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

“Projek ini dicadang ketika saya masih bergelar Ahli Parlimen Serdang pada tahun 2004. Selepas dapat kelulusan, semua langkah diambil termasuk menyiapkan segala dokumen berkaitan dan pelan bangunan sebelum surat tawaran dikeluarkan pada tahun 2015.

“Meski BN mengalami kekalahan di kawasan itu namun projek masih diteruskan untuk memberi kemudahan kepada rakyat.

“Pelaksanaan pembinaan projek tersebut dipantau untuk memastikan ia siap mengikut jadual dan segera dapat memberi manfaat



Pian Hon (kiri) ketika meninjau perkembangan kerja di tapak projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Tun Hussein Onn.



● Projek yang dimulakan Oktober dua tahun lalu itu bakal beroperasi awal tahun depan

kepada ratusan ribu rakyat di sekitar kawasan Bandar Tun Hussein Onn,” katanya.

Beliau berkata, projek dimulakan Oktober dua tahun lalu, kini hampir siap kira-kira 90 peratus

dan dijangka boleh beroperasi awal tahun depan.

Kewujudan balai bomba itu kelak dapat memenuhi keperluan penghuni dan memberi kemudahan mencegah kebakaran di sekitar kawasan kediaman, perindustrian, dan pusat perdagangan kelak.

“Pembinaan balai ini bukti kerajaan persekutuan mengotakan janji dan mengutamakan rakyat meskipun BN mengalami kekalahan di kawasan itu,” katanya lagi.